

Program Permata Insan diperluas semua universiti

➔ Suasana kampus merangsang pembelajaran lebih efektif

Oleh Fahmy Azril Rosli
fahmy.azril@bh.com.my

✦ Kuala Lumpur

Program Permata Insan perlu diperluaskan ke semua universiti pendidikan supaya silibus pengajaran dan pembelajaran (P&P) bersesuaian dengan keupayaan golongan itu.

Profesor Ulung, Tan Sri Prof Dr Mohd Kamal Hassan, berkata ketika ini hanya Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Nilai, Negeri Sembilan sahaja menempatkan program berkenaan yang dipanggil Sekolah Permata Insan.

Beliau berpendapat bahawa lokasi seperti sekolah atau pusat untuk kanak-kanak pintar yang terletak dalam kampus amat bersesuaian bagi merangsang suasana pembelajaran yang lebih efektif.

"Sesi P&P dipimpin sendiri oleh pensyarah dan pegawai USIM sekali gus menjadikan



Lokasi seperti sekolah atau pusat untuk kanak-kanak pintar yang terletak dalam kampus amat bersesuaian"

Mohd Kamal Hassan,
Profesor Ulung

suasana belajar lebih integrasi dengan bantuan tenaga pendidik berpengalaman dari universiti.

Seimbang dunia, akhirat

"Pendekatan yang diguna pakai di USIM juga bersepadu kerana ada keseimbangan atau hubung kait antara ilmu dunia dan akhirat," katanya kepada pemberita selepas pembentangan kertas kerja di Persidangan Antarabangsa Permata 2016 di sini, semalam.

Kamal berkata, kos yang diperlukan untuk membuka sebuah pusat Permata memerlukan belanja yang agak tinggi.

Namun begitu, katanya, program Permata Insan konsep pembelajaran terbaik yang menerapkan pengetahuan agama dan dunia secara bersepadu.

"Program ini sangat baik kerana kita tidak mahu ada pengasingan dikotomi atau penduaan ilmu yang kita alami pada zaman penjajah," katanya.